

	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA MINIT MESYUARAT SENAT KALI KE-275 BIL 1/2018	TARIKH 28 Januari 2018
		MASA 10.30 pagi
		TEMPAT Bilik Mesyuarat Senat

HADIR**PENGERUSI**

Y.Bhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak
Naib Canselor

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Prof. Dr. Yusnidah bt. Ibrahim
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Abdul Malek bin Abdul Karim
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PENOLONG NAIB CANSELOR

Prof . Dr. Huda bt. Hj. Ibrahim
UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Ahmad Bashawir bin Haji Abdul Ghani
UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah
UUM College of Business

DEKAN**UUM College of Arts and Sciences**

Prof. Dr. Abdull Sukor bin Shaari
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

Prof. Dr. Sharipah Soaad bt. Syed Yahaya
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Prof. Madya Dr. Noor Azniza bt. Ishak
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

- i) bahawa pelajar ini dicadangkan agar menyambung kembali pengajian pada Semester Kedua Sesi 2017/2018 (A172) bagi membolehkan pelajar ini mengambil kursus-kursus berkenaan serta melayakkan pelajar ini menamatkan pengajiannya sekiranya memenuhi keseluruhan komponen kursus.
- j) tentang pandangan supaya pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat atau Gagal perlu mengikuti kursus Transformasi yang akan dilaksanakan oleh pihak HEPA dan tidak boleh mendaftar kursus sekiranya tidak menghadiri kursus berkenaan
- ii. bersetuju meluluskan cadangan mengaktifkan kembali pengajian bagi pelajar Adam Bin M. Sahaden (235841) seperti yang dibentangkan.

Dekan SBM /
Pengarah HEA

2.20 KERTAS KERJA BIL. 20/2018 - PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN TINGGI (PGDHELT) UUM/PA-01

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
 - a) bahawa cadangan permohonan untuk kelulusan akreditasi sementara bagi program Diploma Pascasiswazah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi (PGDHELT) UUM/PA-01;
 - b) bahawa latar belakang adalah seperti berikut:
 1. Program PGDHELT ini adalah program baharu yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML).
 2. Program ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Saringan Awal, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 29 April 2016. Keputusan MSA berkaitan program berkenaan.
 3. Jumlah keseluruhan kredit bagi kursus ini ialah 30 jam kredit dan program ini distrukturkan selama 1 tahun setengah atau 3 semester secara sepenuh masa. Bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Inggeris. Semakan terhadap senarai mata pelajaran mendapati PGDHELT menawarkan 9 mata pelajaran bagi program ini. Mata pelajaran program ini menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan tinggi.

4. Audit akreditasi Program PGDHELT ini telah dilaksanakan semakan dokumen oleh panel penilai yang dilantik oleh Universiti Utara Malaysia pada Ogos 2017. Pelantikan adalah berdasarkan bidang kepakaran panel penilai.
5. Kertas kerja ini telah diperakurkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Universiti yang pertama Bil.1/2018 pada 14 Januari 2018. Keratan minit mengenai perkara berekrahan
 - c) bahawa dicadangkan agar program ini diperakurkan berdasarkan kepada maklum balas cadangan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh Pusat Pengajian Pendidikan Bahasa Moden(SEML).
 - ii. bersetuju meluluskan Akreditasi Sementara bagi program Diploma Pascasiswazah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi (PGDHLT) seperti yang dibentangkan.

Pengurus
UJKA

2.21 KERTAS KERJA BIL. 21/2018 - KERTAS CADANGAN BAGI MENGHADKAN BILANGAN MAKSIMA PELAJAR IJAZAH KEDOKTORAN PUSAT PENGAJIAN/JABATAN DI BAWAH AKREDITASI AACSB DAN MENGHADKAN BILANGAN MAKSIMA PENYELIAAN PELAJAR IJAZAH KEDOKTORAN SETIAP PENYELIA DI BAWAH AKREDITASI AACSB

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:

- a) bahawa cadangan bagi menghadkan bilangan pelajar ijazah kedoktoran Pusat Pengajaran atau Jabatan di bawah akreditasi AACSB serta menghadkan bilangan maksima penyeliaan pelajar ijazah kedoktoran setiap penyelia di bawah akreditasi AACSB;

- b) bahawa latar belakang adalah seperti di bawah:

1. UUM telah mendapat akreditasi AACSB (Association to Advance Collegiate Schools of Business) bagi 15 program Ijazah Sarjana Muda, program MBA, beberapa program MSc, serta program Ijazah kedoktoran (DBA, D.Mgt., PhD) pada Ogos 2016, setelah Peer Review Team (PRT) mengadakan lawatan pada 24- 27 April, 2016. Program-program ini ditawarkan oleh kesemua lima Pusat Pengajian UUM COB, OYAGSB dan Jabatan Perniagaan Antarabangsa (IB, COLGIS).